

26/02/2003

Ibrahim ada cara tersendiri

Halmi Samad

MUNGKIN ramai orang cuba bandingkan karisma saya dengan beberapa pengurus legenda silam seperti Datuk Harun Idris, Datuk Mazlan Harun dan Datuk Abu Bakar Daud.

Tapi biarlah saya katakan begini. Mereka (pengurus sebelum ini) dengan cara mereka, saya dengan cara saya. Saya ada cara saya tersendiri. Saya tak akan tiru cara mereka. Tapi bak kata pepatah Melayu yang baik jadikan teladan, yang jahat jadikan sempadan. Justeru, saya akan tiru mana yang positif.

Tapi, yang jelas sekarang saya ada dalam kelas saya yang tersendiri. Apa tidaknya, saya dah pegang jawatan pengurus secara berterusan sejak 2000 apabila kita sertai kejohanan Piala Tiger 2000 di Songkha dan Bangkok, Thailand.

Dulu, mereka lantik pengurus bila ada kejohanan misalnya kelayakan Pra-Olimpik dan Pesta Bola Merdeka. Misalnya Datuk Harun dilantik sebagai pengurus skuad Olimpik 1972. Kemudian jawatan itu kosong. Apabila ada tugas, barulah FAM (Persatuan Bola Sepak Malaysia) lantik semula pengurus.

Jawatan pengurus ni dah disandang ramai orang. Jadi saya rasa seperti ada satu kelebihan berbanding Harun, Mazlan, Bakar atau Datuk Dell Akhbar Khan.

Namun, saya masih sejak awal-awal dulu, ramai yang tolong ingatkan saya.

Ada yang kata: "Datuk, kerusi ni kerusi panas!". Apapun, saya cukup selesa

dengan keadaan sekarang. Kerusi ini pun `tak sepanas yang saya sangkakan'.

Lagipun, mungkin ramai yang tak tahu saya pernah pengurus pasukan ragbi dan menang. Waktu itu, saya jadi pensyarah di RMC (Maktab Tentera Diraja).

Musim pertama jadi pengurus pasukan, saya menang dua piala. Saya masih ada

simpan gambar tu. Jadi saya tahu macam rasanya menang piala.

Bagaimanapun, saya tak berniat untuk memperlekeh status `kerusi panas' (jawatan pengurus pasukan kebangsaan) kerana saya sentiasa sematkan satu keazaman dalam dadanya iaitu berikan yang terbaik biarpun tertekan.

Malah, saya rasa dah sampai masa jawatan pengurus pasukan ini disandang

secara profesional dan sepenuh masa. Senario ini sudah berlaku di seluruh

dunia khususnya di Eropah. Cuba lihat Alex Ferguson (Manchester United), Gerard Houllier (Liverpool) dan Arsene Wenger (Arsenal). Mereka pengurus pasukan profesional.

Terus terang saya katakan jawatan ini memang selalu buatkan jantung mereka berdegup lebih pantas. Bola sepak sekarang sangat mencabar. Di Malaysia, peminat mahukan keputusan yang baik. Mereka tak berminat untuk tahu masalah kita. Apa yang mereka mahu ialah keputusan cemerlang.

Jadi terpulanglah kepada kita untuk bergelut dengan tekanan itu. Falsafah saya cuma satu...kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Saya dah puas bergelumang dengan tekanan ketika jadi orang politik. Saya pernah jadi Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dan dapat hadiah fellowship Lee Kuan Yew. Saya juga tahu makna cabaran apabila terjemah 'Dilema Melayu' tulisan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Secara kasar saya ada cara tersendiri untuk naikkan nama Malaysia. Bagaimanapun saya perlukan sokongan semua orang. Saya harap peminat mesti sokong pemain ketika beraksi di padang.

"Kita ambil contoh kejohanan Piala Tiger 2003. Sebelum ke Singapura dan Indonesia, Malaysia duduk ranking ke-127. Selepas kejohanan itu, Fifa (Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa) pun keluarkan ranking baru. Malaysia naik ranking ke-107. Sekarang ni turun sikit.

Apapun, ini bukti kita berada di landasan yang tepat. Bagaimanapun, kita tidak harus cepat berpuas hati. Negara lain seperti Thailand, Singapura dan Indonesia sentiasa berjuang untuk kekalkan dominasi mereka. Saya harap semua orang bekerjasama naikkan nama Malaysia di peta bola sepak antarabangsa.

..TX"

#### BIODATA

Nama: Datuk Seri Dr Ibrahim Saad

Tarikh lahir: 3 Ogos 1946

Tempat lahir: Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Kerjaya: Ahli Perniagaan/aktivis masyarakat

Isteri: Datin Zainab Abdul Kader

Anak: Zaiful Ayu, 32; Zairil Ayu, 28, Zaira Ayu, 25; Zaireen Ayu, 21, Zaida Ayu, 18

Jawatan disandang: Timbalan Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia

(Pesaka), Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), pengurus pasukan kebangsaan Malaysia dan Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Presiden Persatuan Hoki Pulau Pinang

Pendidikan: Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Diploma

Pendidikan dan Ijazah Sarjana Muda Sastera Universiti Malaya; Sarjana dan

Doktor Falsafah (PhD) Sains Politik Universiti Wisconsin, Amerika Syarikat.

Pengalaman: Guru Institut Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Tentera Diraja (RMC), Pensyarah Maktab Perguruan Sultan Idris; Pensyarah Jabatan Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Pengarah Jabatan Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).